

GAH tarikan baharu pelancongan UMS

Perasmian galeri dijangka disempurnakan TYT Sabah pada 10 Jun depan

UB 15.03.2023 P.08

KOTA KINABALU: Galeri Azman Hashim (GAH) menjadi tarikan baharu pelancongan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, selain karya-karya seni yang dipamerkan, reka bentuk bangunan GAH itu sendiri yang unik merupakan daya tarikan istimewa.

"Selain menempatkan karya-karya bermutu tinggi, bentuk bangunan galeri ini menjadi satu kebanggaan kepada Sabah khususnya UMS kerana ia antara salah satu bangunan ikonik yang unik dan dapat dijadikan tarikan kepada pelancong terutamanya pencinta seni.

"GAH juga berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu yang mana galeri ini menempatkan pelbagai fa-



CENDERAMATA: Kasim (tiga kiri) menyerahkan cenderamata kepada Tun Juhar (lima kanan) sempena kunjungan hormat itu.

siliti yang boleh digunakan bagi penganjuran program-program kesenian dan kebudayaan seperti seminar,

ceramah, pameran dan sebagainya.

"Harapan kita adalah untuk menjadikan GAH sebuah

galeri seni yang tersohor bukan hanya di rantau ini tetapi mampu menjadi tumpuan khasnya kepada pencinta

seni dan budaya dari seluruh dunia," katanya kepada media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Seri Kinabalu, pada Isnin.

Kunjungan tersebut bertujuan menjemput Tun Juhar untuk hadir, sekali gus menyempurnakan perasmian Galeri Azman Hashim yang dijadualkan pada 10 Jun depan.

Diinspirasikan daripada reka bentuk gong, pembinaan GAH yang menelan belanja RM15 juta ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Azman Hashim dan telah siap dibina pada pertengahan tahun lepas.

Turut hadir Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, Bendahari, Badrul Hisham Ismail dan Pengarah GAH, Dr. Mohammad Puad Bebit.

— Penerangan